

Pengalaman Sinwar aset bernilai demi kelestarian Hamas



Oleh Norafidah Ismail
bhrencana@bh.com.my

Yahya Sinwar menggantikan Ismail Haniyeh sebagai Ketua Biro Politik Hamas, selepas menyandang Ketua Politik Hamas di Gaza sejak 2017. Sinwar dan gerakan itu diyakini akan memantapkan perjuangan rakyat Palestin di kedua-dua sahutan, iaitu medan perang dan diplomasi berdasar personaliti, semangat dan pengalaman tokoh terabit menentang Zionis.

Sinwar diakui pejuang tegar termasuk oleh pegawai penyiasat Israel ketika menyualnya ketika dipenjarakan lebih 23 tahun. Pegawai berkenaan mengakui Sinwar mempunyai keperibadian luar biasa.

Beliau mempunyai pegangan agama kuat, berwibawa, bijak, kecerdasan tinggi dan agresif.

Perisikan Amerika Syarikat (AS) mengatakan Sinwar berada di dalam terowong di Gaza, tetapi dinafikan pegawai Hamas, sebaliknya menegaskan beliau bukanlah pengecut yang kerap menyembunyikan diri. Ini kerana Sinwar sering menjalankan tugas operasi dan lawatan di zon perang, selain mengadakan perbincangan dengan kepimpinan Hamas di luar negara.

Seperti pemimpin Hamas lain, Sinwar mempunyai komitmen kuat terhadap

perjuangannya, apatah lagi beliau anggota kanan Unit Keselamatan Hamas di Gaza (MAJID) yang berperanan memburu dan menghapus mana-mana individu menjadi kolaborator kepada Israel.

Pemilihan Sinwar menjadi keputusan sebulat suara pemimpin Hamas, sekali gus mengundang pelbagai penafsiran termasuk gerakan itu memahami perkembangan semasa memerlukan pemimpin dalam aspek ketenteraan dan politik.

Antara penafsiran lain, solidariti pemimpin dan pejuang Hamas dalam meneruskan perjuangan menentang Israel. Komitmen mereka melawan rejim berkenaan adalah tinggi dan tidak berbelah bahagi.

Hakikatnya, Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu enggan berkompromi dengan desakan suara antarbangsa menuntut gencatan senjata di Gaza.

Kedegilan dan keangkuhan Netanyahu disebabkan mahu kekal berkuasa demi kepentingan peribadi dan kelangsungan politik, sekali gus mempunyai kepercayaan akan memimpin bangsanya hingga meniang.

Dengan itu, Netanyahu berusaha menghancurkan perjuangan rakyat Palestin dan menghalang penubuhan negara Palestin dengan bertindak menghapuskan Hamas serta menjadikan Gaza sebagai tempat tidak boleh didiami.

Netanyahu langsung tidak bermatut dengan gencatan senjata apatah lagi menamatkan sers-

ngan ke atas Gaza, sebaliknya menghalang rundingan gencatan senjata dengan pelbagai cara.

Antaranya memanjangkan proses rundingan itu, membunuh perunding Hamas, iaitu Haniyeh sendiri dan melancarkan serangan berterusan ke atas penduduk awam di Gaza.

Walaupun dikenali sebagai 'hardliner' atau petegar, Sinwar komited dengan dialog bagi menyelesaikan sesuatu konflik. Pada 2017, beliau mengambil pendekatan diplomasi dengan mengadakan rundingan damai antara Hamas, Fatah dengan Pihak Berkuasa Palestin (PA). Beliau juga menggunakan pendekatan sama dalam memulihkan hubungan Hamas dengan Iran, Syria dan Mesir.

Sejak serangan genosid Israel ke atas Gaza bermula Oktober tahun lalu, Sinwar antara individu terpenting dalam rundingan gencatan senjata dikendalikan Qatar, Mesir dan AS. Ramai penganalisis percaya Sinwar adalah pemberi kata putus ke atas sebarang keputusan dan perjanjian dibuat dengan musuh seperti pertukaran tebusan dan pembebasan tahanan rakyat Palestin dari penjara Israel.

Sinwar adalah pemimpin Hamas digeruni. Pengalaman kepimpinan dalam bidang ketenteraan dan politik adalah satu aset sangat bernilai bagi kelestarian Hamas serta perjuangan rakyat Palestin, sekali gus mampu mengukuhkan perjuangan Hamas di medan perang dan meja rundingan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

Felo Penyelidik Bersekutu, Asian Institute of International Affairs and Diplomacy (AIAD), Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM)

